

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HMT 507 – ISU SEMASA BAHASA MELAYU**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.  
Setiap soalan memberi nilai markah yang sama.

1. Jawab soalan [a] dan [b] berpandukan **Data A**:

**Data A**

Ilmu Malaysia dilihat sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber setempat, bagi memenuhi keperluan-keperluan setempat dan dengan mengambil kira isu-isu kritikan setempat..., seterusnya membolehkan terciptanya ilmu Malaysia berdasarkan acuan setempat.

Shahrir Mohd Zain (1995) tentang **Gagasan Agenda Ilmu Malaysia** dalam Abdullah Hassan (2000; 60-84).

- [a] Hujahkan implikasi senario kebahasaan semasa terhadap daya saing bahasa Melayu.

[10 markah]

- [b] Berdasarkan jawapan anda dalam [a], cadangkan pelaksanaan yang praktis bagi merealisasikan agenda ilmu Malaysia ini.

[15 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b] berpandukan **Data B**:

**Data B**

a. **Kuambil beg itu.**

\*b. **Ambilku beg itu.**

c. **Azman ambil begku.**

\*d. **Azman ambil kubeg.**

a. **Kaupukul Zaini.**

\*b. **Pukulkau Zaini.**

c. **Tajul memujukkau.**

\*d. **Tajul kaumemujuk.**

a. **Muambil beg itu.**

\*b. **Ambilmu beg itu.**

c. **Azman ambil begmu.**

\*d. **Azman ambil mubeg.**

- |     |                   |
|-----|-------------------|
| a.  | nyamemukul Azman. |
| *b. | memukulnya Azman. |
| c.  | Azman membawanya. |
| *d. | Azman nyamembawa. |

[a] Nyatakan ujian untuk mengenal pasti klitik dalam **Data B**.

[5 markah]

[b] Berpandukan ujian dalam [a] kenalpasti bentuk dan jenis klitik dalam **Data B**. Huraikan bentuk dan jenis klitik itu.

[15 markah]

[c] Berpandukan jawapan anda itu kelaskan setiap klitik. Berikan justifikasi untuk pengklasifikasian tersebut.

[10 markah]

3. Jawab soalan [a] dan [b].

### Data C

Loud	Browser
Speaker	Pin
Volume	Chat
Headset	Menu
Smiley	Cache
Edit	Transfer
Manual	Status
Memori	Memory
Mesej	Message
Direktori	Directory
Melodi	Melody
Destinasi	Destination
Kalkulator	Calculator
Kos	Cost
Jk	Pnggl
Kred	Telp
Jngk	Sem.pggl
Jwpn	Automtk
P.srn	Incgn
Dn	Tdk

- [a] Huraikan kaedah-kaedah terjemahan yang terlibat dalam pembentukan teks telefon bimbit bahasa Melayu. Gunakan **Data C** sebagai sebahagian daripada contoh teks untuk setiap kaedah terjemahan.
- [12 markah]
- [b] Bandingkan kelebihan dan kelemahan teks telefon bimbit bahasa Melayu jenama Alcatel, Nokia, Samsung dan Motorola.
- [13 markah]
4. Berdasarkan sistem bacaan huruf dan sistem bacaan fonik yang digunakan pada peringkat prasekolah di Malaysia, bincangkan masalah yang timbul dalam usaha menangani penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak.
- [25 markah]
5. Jawab soalan [a] dan [b]. Kedua-dua soalan berfokus pada fenomena percampuran bahasa (kekal dan sementara) yang semakin berleluasa berlaku dalam masyarakat bahasa di Malaysia.
- [a] Bincangkan fenomena percampuran bahasa (kekal dan sementara) ini dari sudut linguistik. Menurut pandangan anda adakah fenomena ini merupakan satu isu dalam penggunaan bahasa di Malaysia?
- [17 markah]
- [b] Kemukakan dan huraikan DUA faktor yang menjana kewujudan bentuk bahasa bercampur ini dalam situasi penggunaan bahasa di Malaysia.
- [8 markah]